

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 OKTOBER 2019 | RABU

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

SOALAN

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah pendapatan Tabung Haji sehingga Jun 2019. Berapa nilai saham dan harta yang telah dijual pada tahun 2019 dan berapa anggaran keuntungan Tabung Haji sehingga Jun 2019.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan satu lagi pertanyaan lain kerana menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan dengan **prestasi Lembaga Tabung Haji (TH)**. Pertanyaan berkenaan oleh **Yang Berhormat Jeli pada Khamis | 7 November 2019**. Yang Berhormat Jeli bertanyakan mengenai prestasi **TH** sejak penstrukturan semula dan syarikat tujuan khas (SPV).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) mencatat prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik bagi separuh pertama tahun 2019, dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos yang berhemat.

NO. SOALAN : 2

Bagi tempoh enam (6) bulan pertama tahun 2019, **TH** telah berjaya memperoleh pendapatan berjumlah RM1.3 bilion, dijana terutamanya daripada pelaburan aset pendapatan tetap (RM663 juta), pelaburan hartanah (RM292 juta) dan instrumen pasaran wang Islam (RM199 juta). Keuntungan bersih juga telah meningkat kepada RM815 juta hasil langkah berterusan penjimatan kos pengurusan dan pentadbiran.

Pada 30 Jun 2019, kedudukan kewangan **TH** kekal kukuh apabila jumlah aset telah melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM1.8 bilion, dengan jumlah aset RM74.0 bilion manakala jumlah liabiliti RM72.2 bilion **berbanding**, pada 31 Disember 2018, kedudukan nilai aset berbanding liabiliti hanyalah sebanyak RM1 bilion. Sepanjang tahun 2019, nilai ekuiti domestik **TH** telah meningkat sebanyak RM1.12 bilion daripada RM6.36 bilion, pada penghujung 2018, kepada RM7.48 bilion, setakat 27 September 2019.

Pelaburan **TH** tertumpu kepada syarikat-syarikat utama Bursa Malaysia yang mempunyai prestasi kewangan serta rekod dividen yang baik, menjana pendapatan stabil dan patuh syariah seperti saham TNB dan Petronas.

Selain daripada ekuiti, **TH** kini giat dalam mencari peluang pelaburan dalam semua kelas aset seperti hartanah dan instrumen kewangan berpendapatan tetap seperti sukuk. Perubahan strategi pelaburan **TH** kepada aset pelaburan yang lebih stabil telah berjaya mengurangkan tekanan daripada keadaan pasaran saham yang tidak menentu akibat ketegangan perang dagang di peringkat global.

Berkenaan syarikat-syarikat yang telah dipindahkan kepada SPV (Syarikat Bertujuan Khas) milik penuh Kerajaan Malaysia, syarikat-syarikat tersebut tidak lagi diurus oleh **TH** kerana hakmilik telah dipindahkan sepenuhnya kepada SPV.

NO. SOALAN : 2

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkenaan nilai saham dan harta yang telah dijual pada tahun 2019, aktiviti urusniaga saham dan penjualan harta merupakan sebahagian daripada aktiviti am yang dijalankan dalam pengurusan aset-aset **TH**. Berikut adalah nilai saham dan harta yang telah dijual sehingga 30 Jun 2019:

Aset Dijual	Nilai Buku Aset Dijual RM Juta	Hasil Keuntungan RM Juta
Saham	803.9	27.9
Instrumen Kewangan	405.3	25.3
Hartanah	10.4	7.9
JUMLAH	1,219.6	61.1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan yang diperolehi dari RM1.32 bilion ini telah pun dilabur semula di dalam pelbagai instrumen Kewangan yang menjana pendapatan yang lebih teguh dan stabil, terutamanya di dalam saham-saham yang berpotensi di Bursa Malaysia.

Selain dari itu, pendapatan **TH** ini tidak hanya terhad kepada hasil keuntungan penjualan sahaja, tetapi juga hasil pendapatan dividen dari saham-saham yang dipegang, pendapatan tetap dari pegangan sukuk patuh syariah, hasil sewaan dari hartanah dan juga margin keuntungan daripada pendeposit bank.

TH akan terus meneroka peluang pelaburan secara berhemah dengan mengambil kira kepentingan pendeposit. **TH** akan terus mengekalkan tahap tadbir urus yang tinggi dalam mentadbir dana yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Sekian. Terima kasih.